

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

ANNUAL GENERAL MEETING (AGM)

Pelapor: Mohammad Shameer Ihaping

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh & Selayang telah menjayakan program Annual General Meeting (AGM) pada 9 Januari 2023 yang bertempat di Auditorium 1 Khalid Yusoff, Fakulti Perubatan, UiTM Sungai Buloh.

Program ini dianjurkan bagi memperkenalkan barisan kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Sekretariat Kolej bagi sesi 2023/2024 disamping menjadi suatu platform kepada penghuni Kolej Kediaman untuk menyuarakan pandangan mereka tentang penambahbaikan Kolej Kediaman daripada aspek infrastruktur ataupun program



akan datang. Majlis AGM turut menampilkan mantan Yang Dipertua JPK dan mantan Bendahari Kehormat 2022/2023 bagi membentangkan

laporan program dan kewangan sepanjang sesi yang lepas bagi menjadi penanda aras bagi JPK bagi sesi yang baharu.

KOMPLEKS AUDITORIUM KHALID YUSOFF

Barisan JPK 2023/2024

Organisasi JPK akan diterajui oleh Majlis Tertinggi JPK dan dibantu oleh 5 Jabatan dengan portfolio yang berbeza iaitu Jabatan Perhubungan, Jabatan Maklumat/Informasi, Jabatan Kebajikan Kolej, Jabatan Pembangunan Kolej dan Jabatan Khidmat Kolej.



HARAPAN KAMI

JPK dan Sekretariat dapat menjalankan tanggungjawab yang dipikul dan amanah yang diberikan dengan penuh komited dan ikhlas. Semoga Kolej Kediaman UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang semakin cemerlang.